

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMNIN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931

Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sekian terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU

Adat yang dikenali dengan nama Adat Perpatih itu ialah adat yang dipakai oleh kebanyakan orang-orang Melayu di Negeri Sembilan dan juga di Naning dalam negeri Melaka. Sebenarnya istilah adat dalam rangkaian kata Adat Perpatih itu membawa makna yang luas dan pengertian yang amat mendalam.

Kepada para penganut Adat Perpatih yang dimaksudkan adat itu bukan sahaja tata tertib dan peraturan-peraturan yang hanya bersangkutan paut dengan kelaziman yang kecil seperti adat mengerat pusat, adat mencukur rambut anak dan lain-lain lagi; malah ia bermaksud segala peraturan, dari yang kecil hinggalah yang besar, termasuklah undang-undang yang bersangkutan paut dengan pentadbiran dan pemerintahan negeri.

Tegasnya Adat Perpatih itu adalah lengkap dengan segala tata tertib, segala peraturan dan segala undang-undang, atau lebih tepat lagi ia merupakan satu perlembagaan negeri.

Adat Perpatih berasal dari Minangkabau, sebuah negeri yang amat terkenal dan yang terletak di tengah-tengah sebelah barat Pulau Sumatera, Indonesia seperti ada cerita yang diceritakan oleh pantun ini:-

*"Akan hilir ke Inderagiri,
Semalam di Padang Panjang.
Di mana Adat pula berdiri?
Di Periang, Padang Panjang"*

(Periang, Padang Panjang ialah nama sebuah tempat di negeri Minangkabau.)


Menurut sejarah, sejak berabad-abad dahulu ramai orang Minangkabau pergi merantau meninggalkan tanah air mereka. Ada di antara mereka, rombongan-rombongan yang telah mengembara hingga ke Semenanjung Tanah Melayu dan ada pula yang

merantau ke Naning dan Negeri Sembilan. Orang Minangkabau telah membuka negeri-negeri baru dan berkampung halaman di Naning dan Negeri Sembilan serta menetap di situ beranak pinak, bercucu cicit sehingga sekarang. Mereka itu dahulu amat taat dan setia kepada peraturan-peraturan dan undang-undang yang dipakai di negeri asalnya. Oleh yang demikian, mereka telah menggunakan peraturan-peraturan dan undang-undang itu di tempat petempatan baru mereka.

Maka, sejak itu hinggalah sekarang, keturunan Minangkabau di Naning dan Negeri Sembilan masih patuh kepada peraturan-peraturan dan undang-undang atau nama lainnya Adat Perpateh mereka yang disanjung tinggi itu. Kepada mereka Perlembagaan Negeri itu mestilah dipertahankan biarlah apa yang terjadi: *"biar mati anak, asalkan jangan mati adat"*.



Peta Sumatera dan Tanah Melayu, memperlihatkan bintik2 halus itu daerah Adat Perpatih.



*Bagini-lah bentuk bangunan mesium di-Seremban, Negeri Sembilan,
mengarah-arah bentuk bangunan rumah Minangkabau..*